

# Kaedah Terapi Muzik di Hospital (Darüşşifa) Era Kerajaan Seljuk Pada Abad ke-12M sehingga Abad ke-14M

## *The Method of Music Therapy in Darüşşifas (Hospitals) during Seljuk Era from 12th Century Until 14th Century*

Siti Nur Adilah Awang<sup>1</sup>, Ermy Azziaty Rozali<sup>2</sup>, Roziyah Sidik @ Mat Sidek<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia;

<sup>2</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia;

<sup>3</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia;

### Progres Artikel

Diterima: 7 Jun 2022

Disemak: 6 Oktober 2022

Diterbit: 30 November 2022

### \*Perhubungan Penulis:

Siti Nur Adilah Awang, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia;  
Email:  
P110085@siswa.ukm.edu.my;

**Abstrak:** Hospital (darüşşifa) merupakan antara institusi sosial terawal yang dibangunkan oleh kerajaan Seljuk bagi menyediakan khidmat perubatan kepada masyarakat awam di Anatolia. Menariknya, darüşşifa dalam kerajaan Seljuk turut menggunakan terapi muzik sebagai salah satu kaedah bagi rawatan penyakit mental. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti institusi darüşşifa dalam kerajaan Seljuk di Anatolia yang menawarkan rawatan terapi muzik sekaligus mengkaji kaedah pelaksanaan rawatan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan berpandukan pelbagai sumber berautoriti dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis teks serta deduktif. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 25 buah institusi darüşşifa yang dibina di Anatolia. Daripada jumlah tersebut, hanya tiga darüşşifa sahaja yang menawarkan rawatan menggunakan terapi muzik iaitu Gevher Nesibe Darüşşifa (1205-1206M) di Kayseri, Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa di Sivas (1228-1229M) dan Amber ibn Abdullah Darüşşifa di Amasya (1308-1309M). Manakala kaedah terapi muzik yang dikenal pasti digunakan adalah melalui persembahan oleh sekumpulan pemuzik, bunyi air dari kolam air pancut serta inovasi sistem akustik yang dibina pada struktur bangunan hospital. Kaedah rawatan penyakit mental melalui terapi muzik yang dibangunkan oleh kerajaan Seljuk tidak hanya berakhir pada awal abad-14M malahan kesinambungan kaedah tersebut turut dapat dilihat pada era seterusnya iaitu dalam kerajaan Uthmaniyyah.

**Kata Kunci:** Darüşşifa, Hospital, Kerajaan Seljuk, Kesihatan Mental, Terapi Muzik;

**Abstract:** Darüşşifa (hospital) is one of the earliest social institutions developed by the Seljuk Empire to provide medical services to the public in Anatolia. Interestingly, darüşşifa in the Seljuk Empire also used music therapy as one of the methods for the treatment of mental illness. Thus, this study was conducted to identify the Seljuk darüşşifa in Anatolia that offering the treatment of music therapy as well as analyzes the methods of implementing the treatment. This study uses a qualitative methodological approach by using historical research design and content analysis based on various authoritative sources and later analyzed using thematic analysis of text method and deductive approach. The findings of this study clearly show that there are at least 25 darüşşifas institutions built in Anatolia. Only three darüşşifa offer treatment using music therapy, namely Gevher Nesibe Darüşşifa (1205-1206M) in Kayseri, Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa in

Sivas (1228-1229M) and Amber Ibn Abdullah Darüßsifa in Amasya (1308-1309M). While the identified music therapy methods used was through the performances by a group of musicians, the flow of water from fountains as well as the innovation of acoustic systems built on the structure of hospital buildings. The method of treatment of mental illness through music therapy developed by the Seljuk Empire not only ended in the early 14th century but the continuation of the method can also be seen in the next era, in the Ottoman Empire.

**Keywords:** Darüßsifa, Hospital, Seljuk Empire, Mental Health, Music Therapy;

## Pengenalan

Kerajaan Seljuk merupakan sebuah kerajaan Islam yang muncul di wilayah Anatolia sekitar abad ke-11M. Menurut Ihsanoglu (2005), pengasasan kerajaan Seljuk di wilayah tersebut adalah bertitik tolak daripada peristiwa kemenangan besar tentera Seljuk dalam pertempuran Malazgirt (Manzikert) melawan Empayar Byzantium pada 1071M. Hasil kejayaan tentera Seljuk meruntuhkan Empayar Byzantium turut menjadikan gerbang masuk Anatolia terbuka luas kepada puak Turki sekaligus menjadikannya sebagai penempatan tetap mereka. Pelbagai aktiviti pembangunan semula wilayah Anatolia telah dilakukan oleh kerajaan Seljuk terutamanya dari aspek kebajikan sosial. Antara aktiviti yang rancak dilaksanakan adalah penubuhan beberapa infrastruktur dan institusi utama seperti *karavanserai* (tempat persinggahan bagi pengembara), masjid, madrasah (sekolah), *darüßsifa* (hospital) yang secara amnya bertujuan memenuhi keperluan masyarakat pada ketika itu dari segenap aspek kehidupan (Erdal & Erbaş, 2013).

Dalam aspek kebajikan kesihatan, kerajaan Seljuk mengambil inisiatif dengan menubuhkan institusi *darüßsifa* di kota-kota utama di Anatolia (Kipay, t.t). Özkan (2012) berpendapat bahawa institusi *darüßsifa* yang dibina oleh kerajaan Seljuk merupakan antara hospital terawal yang menawarkan gabungan rawatan bagi penyakit fizikal dan mental di Anatolia. Begitu juga dengan Benek *et al.* (2015) yang mengemukakan bahawa *darüßsifa* merupakan institusi kesihatan pertama yang mengaplikasi terapi muzik sebagai rawatan bagi masalah kesihatan mental. Manakala, Mohd Jailani *et al.* (2019) pula menyatakan terapi muzik dilaksanakan secara intensif dan ekstensif dalam kerajaan Seljuk dan kerajaan Uthmaniyyah berikutan wujudnya sebilangan besar hospital yang menawarkan perkhidmatan terapi tersebut. Persoalannya, adakah semua hospital dalam kerajaan Seljuk menawarkan kaedah terapi muzik serta bagaimanakah kaedah terapi muzik tersebut diaplikasikan dalam rawatan masalah kesihatan mental?

Justeru bagi menjawab persoalan tersebut, perbincangan di dalam artikel ini adalah meliputi tiga objektif utama:

1. Menjelaskan perkembangan institusi hospital (*darüßsifa*) dalam kerajaan Seljuk.
2. Mengklasifikasikan *darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk yang menawarkan kaedah terapi muzik.
3. Menganalisis kaedah terapi muzik di hospital (*darüßsifa*) dalam kerajaan Seljuk.

## Sorotan Literatur

Berdasarkan kepada tinjauan yang dilakukan ke atas kajian-kajian lepas, penulis mendapati bahawa perbincangan mengenai institusi kesihatan dan terapi muzik tamadun Islam telah pun dijalankan. Walaupun begitu, kajian yang menggabungkan kedua-dua aspek tersebut iaitu institusi kesihatan dan terapi muzik lebih lagi dalam konteks kerajaan Seljuk dilihat masih terhad dan hanya disentuh secara umum oleh pengkaji lepas. Kajian oleh Roziah *et al.* (2021) mendapati bahawa amalan terapi muzik telahpun wujud dalam budaya beberapa tamadun awal dunia seperti tamadun Mesir Purba, China, Greek dan juga Rom. Malahan terapi muzik turut digunakan dalam tamadun Islam sebagai salah satu rawatan bersifat komplementari yang berfungsi bagi menghiburkan, menenangkan, melegakan serta mengurangkan kesakitan. Ia kebiasaannya diaplikasikan kepada pesakit mental di hospital dalam wilayah Islam antaranya seperti Bimarastan Fez (Sidi Frej) di Morocco, Bimarastan al-Mansuri di Kaherah, Bimarastan al-Arguni di Aleppo, Syria, Bimarastan Nur al-Din di Damsyik, Kayseri Gevher Nesibe Darüßsifa, Divriği Ulu Mosque and Darüßsifa, Amasya Darüßsifa, Fatih Darüßsifa di Istanbul, Edirne Sultan Bayezid II Darüßsifa, Suleymaniye Sifahanesi dan Hospital Ayse Hafsa Sultan. Melalui kajian ini, penulis dapat mengetahui gambaran secara umum mengenai perkembangan terapi muzik dalam tamadun Islam abad pertengahan.

Seterusnya, Mohd Jailani *et al.* (2020) pula menganalisis sumber terapi muzik dalam tamadun Islam

abad pertengahan. Menurutnya, terapi muzik dalam tamadun Islam lahir melalui penyerapan falsafah terapi muzik dari tamadun Greek melalui proses penterjemahan dan penggalan semula karya oleh tokoh Greek seperti Plato, Aristotle, Euclid, Galen, Ptolemy dan lain-lain lagi. Falsafah tersebut kemudiannya dikaji semula oleh para sarjana Islam terkemuka seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina dan Ikhwan al-Safa' sehingga menghasilkan pelbagai karya asli dalam tamadun Islam. Melalui pemahaman mendalam terhadap falsafah terapi muzik ini juga, terapi muzik telah berkembang secara pesat dalam tamadun Islam dari abad ke-9M sehingga abad ke-16M. Ia digunakan di hospital bagi rawatan serta digunakan juga sebagai medium untuk merangsang ingatan kepada Allah SWT (*zikrullah*). Walaupun kajian ini tidak menyentuh mengenai amalan terapi muzik di institusi kesihatan, akan tetapi kajian ini amat membantu penulis memahami perkembangan awal terapi muzik dalam tamadun Islam.

Perkembangan terapi muzik tamadun Islam di wilayah Anatolia dapat ditelusuri menerusi kajian Kabalak (2018). Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa institusi kesihatan dalam kerajaan Seljuk merupakan antara yang terawal menggunakan kaedah terapi muzik dan kemudiannya diwarisi oleh kerajaan Uthmaniyyah. Antara yang dinyatakannya adalah Hospital Nureddin di Damsyik, Hospital Qalawun di Qaherah, Maristani, Hospital Beyazid I di Bursa, Hospital Fatih di Istanbul dan Hospital Beyazid II di Edirne. Menurut Kabalak (2018) lagi, Hospital Beyazid II di Edirne merupakan hospital yang terbaik dalam pelaksanaan terapi muzik dalam catatan sejarah Turki era tamadun Islam. Namun begitu, perkembangannya telah berakhir apabila kebanyakan institusi kesihatan di Turki sudah tidak berfungsi sekitar abad ke-19M. Selain itu, Kabalak (2018) turut mengemukakan bahawa di negara Turki pada harini terdapat beberapa persatuan penyelidikan yang masih memelihara budaya terapi muzik dalam sejarah Anatolia termasuklah pada era tamadun Islam seperti Traditional Turkish Music Research and Promotion Society (TUMATA), Treatment Music Practice and Research Group (TUTEM), Music Therapy Association (UMTED).

Kajian oleh Ergüven dan Yilmaz (2017) pula mengemukakan bahawa pusat kesihatan "*sifahane*" yang suatu ketika dahulu pernah dibina semasa era tamadun Islam-Turki (era kerajaan Seljuk dan kerajaan Uthmaniyyah) mempunyai persamaan dengan konsep pusat kesihatan "*wellness centre*" yang dibina di Amerika Syarikat pada hari ini. Menurutnya, Amerika Syarikat berusaha mencipta tradisi gaya hidup holistik dengan membangunkan semula falsafah perubatan dari pelbagai budaya seperti tradisi perubatan tamadun China dan "Ayurveda" di samping cuba membina gabungan di

antara perubatan moden dan perubatan alternatif. Malahan, falsafah kesihatan tersebut menyumbang kepada pengaruh pelancongan yang dikenali sebagai pelancongan kesihatan "*medical tourism*". Justeru, dalam mempromosikan sektor pelancongan kesihatan di Turki, Ergüven dan Yilmaz (2017) cuba mengetengahkan konsep terapi muzik yang pernah ditawarkan di Sultan Bayezid II Darüßsifa, Edirne pada era tamadun Islam. Pada masa kini, *dariüßsifa* tersebut telah ditukarkan sepenuhnya menjadi Muzium Kesihatan. Ergüven dan Yilmaz (2017) turut mendedahkan bahawa daripada 100 pelancong yang datang melawat di muzium berkenaan, 92 daripadanya dapat merasai ketenangan dan kelegaan dari sudut spiritual dan mental melalui terapi muzik.

Mihaljinec dan Eser (2017) pula mendapati tujuan utama terapi muzik digunakan di hospital adalah untuk meredakan kesakitan serta membuat pesakit merasa lebih nyaman. Pada era kerajaan Seljuk, ia pertama kali dilaksanakan di Hospital Sultan Nureddin atau disebut juga sebagai Hospital Sam di Damsyik. Aplikasi terapi muzik ini dilihat berterusan sehingga abad ke-17M oleh kerajaan Uthmaniyyah. Beberapa elemen penting dalam pelaksanaan terapi muzik di hospital dalam kerajaan Seljuk turut dikenal pasti iaitu melalui kaedah *makam* muzik (sistem mod melodi dalam muzik), penggunaan alat-alat muzik dan lirik yang bersesuaian, persembahan akustik dan bunyi air dari *iwana* (dewan utama), di samping gabungan bau herba bagi meningkatkan tumpuan pesakit. Secara keseluruhan, kajian Mihaljinec dan Eser (2017) masih dilihat terhad kerana mereka tidak menyatakan secara jelas nama hospital yang menggunakan kaedah ini serta bagaimana ianya diaplikasikan kepada para pesakit.

Ucaner dan Heiderscheit (2016) pula meneliti perkembangan terapi muzik di Turki secara kronologi meliputi kerajaan Seljuk, kerajaan Uthmaniyyah dan realiti terapi muzik di Turki pada masa kini. Menurut Ucaner dan Heiderscheit (2016), kebanyakan *dariüßsifa* atau *sifahane* yang dibangunkan oleh tamadun Islam di Turki sudah tidak mampu berfungsi dengan baik berikutan kemusnahan akibat Perang Dunia Pertama serta kekurangan dana kewangan setelah kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah. Walau bagaimanapun, penyelidikan terapi muzik di Turki kini mula menerima respon yang baik daripada para penyelidik, ahli perubatan serta pelbagai organisasi. Malah, terdapat juga usaha bagi menjadikan terapi muzik sebagai salah satu kurikulum di sekolah dan juga sebagai kerjaya profesional. Kajian Ucaner dan Heiderscheit (2016) seakan sama dengan kajian yang dilakukan oleh Kabalak (2018) dan membantu penulis bagi melihat perkembangan terapi muzik di Turki secara menyeluruh.

Seterusnya, kajian Mohd Jailani dan Roziah (2016) pula membahaskan mengenai pelaksanaan terapi di *darüßsifa* dalam wilayah Islam. Sejarah dengan penubuhan *darüßsifa*, terapi muzik telah dijadikan sebagai salah satu kaedah rawatan bagi masalah kesihatan mental seawal abad ke-9M sehinggalah abad ke-19M. Selain itu, perkembangan terapi muzik ini turut mewujudkan inovasi baru dalam perubatan di *darüßsifa*, khususnya era kerajaan Seljuk dan kerajaan Uthmaniyyah. Tiga inovasi yang disebutkan adalah penggunaan sistem akustik pada bangunan *darüßsifa*, mengaplikasikan terapi muzik kepada masalah kesihatan selain dari masalah kesihatan mental serta menggunakan perkhidmatan *band* muzik Mehtehaney-i Hakani (*band* muzik Janisari). Aspek inovasi ini sewajarnya dikupas secara mendalam dalam kajian tersebut, akan tetapi perbincangan yang diberikan oleh Mohd Jailani dan Roziah (2016) adalah terhad dan memerlukan penelitian lanjut.

Kajian Tanriover (2016) pula mengemukakan bahawa *darüßsifa* di Anatolia sewaktu era kerajaan Seljuk kebiasaannya dibina di Jalan Sutera (Silk Road) terutamanya di bahagian utara meliputi Sivas, Tokat, Amasya, Kastamonu, Cankiri dan juga di bahagian selatan iaitu di Kayseri dan Konya. Selain itu, kerajaan Seljuk turut membina *darüßsifa* di luar wilayah Anatolia meliputi Musul, Sam (Kota Damsyik), Halep, Trablussam, Qaherah dan lain-lain lagi yang kebanyakan daripadanya sudah tidak wujud lagi pada hari ini. Dari sudut seni bina, Tanriover (2016) mendapati bahawa wujud persamaan di antara binaan *darüßsifa* dan madrasah yang mana ianya dilihat mempunyai halaman terbuka yang luas berbentuk segi empat persegi, dan dikelilingi oleh anjung pada setiap penjuru. Malahan, rekaan dalam bangunan direka khusus dengan mempunyai ciri-ciri rangsangan terhadap lima deria manusia termasuklah terapi melalui muzik.

Keser dan Kurt (2016) pula mendapati kewujudan perkhidmatan kesihatan dalam kerajaan Seljuk adalah berkait rapat dengan pembangunan bandar serta institusi wakaf. Pada peringkat awal, wilayah seperti Konya, Nishapore, Sheraz telah dijadikan sebagai pusat bandar dan dinaiktaraf melalui pembinaan pelbagai jenis infrastruktur dan kemudahan awam termasuklah perkhidmatan kesihatan merangkumi pembinaan madrasah dan *darüßsifa*. Madrasah dibina bagi melatih dan melahirkan pakar-pakar perubatan, sementara *darüßsifa* pula dijadikan pusat bagi masyarakat awam mendapatkan rawatan perubatan. *Darüßsifa* merupakan antara institusi yang ditubuhkan melalui sumber dana wakaf yang disediakan oleh para sultan, pembesar, golongan atasan dan kaya. Melalui dana wakaf tersebut, *darüßsifa* mampu beroperasi secara percuma sehingga abad ke-19M. Kajian mengenai dana wakaf *darüßsifa*

ini dilihat penting bagi proses mencari dan mengumpul sumber maklumat berkaitan sejarah penubuhan dan latar belakang institusi *darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk.

Benek *et al.* (2015) pula membahaskan mengenai perkembangan institusi kesihatan dan terapi muzik dalam kerajaan Seljuk dengan menfokuskan Divriği Darüßsifa di Sivas. Menurutnya, Divriği Darüßsifa yang kini diiktiraf sebagai tapak warisan sejarah oleh UNESCO, suatu ketika dahulu pernah merawat pesakit melalui terapi muzik mengikut tatacara yang disarankan oleh sarjana Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina dan Gevrekzade Hasan bin Ahmad. Antara yang disebutkan adalah melalui persembahan oleh Mehtehaney-i Hakani (Janisari/ March of War) dan menggunakan nada mengikut keadaan cuaca sekeliling serta *makam* muzik. *Makam* muzik yang bersesuaian adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan terapi muzik.

Berbeza dengan kajian Benek *et al.* (2015) yang hanya menfokuskan terapi muzik di *darüßsifa* tertentu sahaja, kajian Erdal dan Erbaş (2013) pula membahaskan kaedah terapi muzik secara umum dan holistik di semua hospital era kerajaan Seljuk dan kerajaan Uthmaniyyah. Pada era kerajaan Seljuk, hospital yang menawarkan terapi muzik ialah Gevher Nesibe Darüßsifa, Divriği Ulu Mosque and Darüßsifa dan Amasya Darüßsifa, manakala pada era kerajaan Uthmaniyyah pula adalah Fatih Darüßsifa, Edirne Darüßsifa dan Süleymaniye Darüßsifa. Terapi muzik yang dilaksanakan di hospital-hospital berkenaan adalah berpandukan teori muzik yang diasaskan oleh sarjana Islam era sebelumnya dan dimainkan oleh sekumpulan ahli pemuzik dengan menggunakan alatan muzik yang khusus. Selain daripada terapi muzik menggunakan alatan muzik, terapi muzik melalui landskap dan reka bentuk hospital seperti air pancut, kolam, kebun dan taman yang menghasilkan bunyi semula jadi juga dianggap sebagai terapi kepada pesakit.

Yilmaz (2013) pula membincangkan mengenai sejarah penubuhan dan fungsi *darüßsifa* di Antolia. Yilmaz (2013) memilih empat *darüßsifa* iaitu Syeh Eminuddin Bimarhanesi di Mardin, Gevher Nesibe Maristan di Kayseri, Keykavus Darusihhasi di Sivas dan Turan Malek Darüßsifa di Divriği. Beberapa *darüßsifa* lain di kota-kota utama Anatolia seperti Cankiri, Kastamonu, Tokat, Konya dan Amasya turut dibincangkan secara ringkas. Menurutnya, sebahagian besar *darüßsifa* ini kini sudah menjadi monumen tinggalan sejarah dan kewujudannya hanya dapat dikesan hanya melalui catatan sejarah seperti dokumen wakaf serta ukiran pada bangunan. Terapi muzik sebagai salah satu kaedah rawatan di hospital-hospital berkenaan tidak diuraikan dalam kajian tersebut.

Kajian seterusnya oleh Özkan (2012) pula meninjau sejarah perkembangan perkhidmatan rawatan bagi masalah mental (psikiatri) di dalam budaya Turki. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa seawal abad pertama Masihi, pesakit mental di Anatolia telahpun dirawat melalui perubatan tamadun Greek serta perubatan tradisional berunsur mitos keagamaan oleh bomoh (*shaman*). Pada era tamadun Islam pula, pesakit mental di Turki Anatolia diterima baik dalam masyarakat dan diberikan penjagaan rapi di *darüsshifa* melalui terapi muzik. Antara *darüsshifa* yang disebutkan memberi perlindungan kepada pesakit mental adalah Gevher Nesibe Sifahanesi, Kayseri dan Sultan Bayezid II Darüsshifa, Edirne. Sewaktu era Republik Turki, rawatan psikiatri dilihat semakin berkembang dengan pelbagai transformasi seperti penubuhan klinik neuropsikiatri dan perkhidmatan psikiatri konsultasi liaison.

Kajian Bakır dan Başağaoğlu (2006) pula membahaskan sejarah kesenian *darüsshifa* dalam kerajaan Seljuk. Dapatan kajiannya mengemukakan bahawa kerajaan Seljuk telah mengadaptasi elemen seni bina halaman dan jenis *iwān* yang wujud dalam kebanyakan bangunan di kawasan Asia Tengah dan Iran. Dari sudut pelan pembinaan pula, kerajaan Seljuk telah menyerap idea reka bentuk yang digunakan di hospital di Aleppo dan Hospital Sultan Nureddin Zenki di Damsyik di mana ianya dibina dengan beberapa *iwān* dan kubah yang disusun di sekitarnya yang membentuk segi empat persegi. Beberapa struktur binaan lain ialah seperti masjid, ruang kuliah, ruang makan, kolam, air pancut, tandas, tangga, makam, wad pesakit dan ruangan doktor. Fasiliti dibina secara lengkap bagi keselesaan seluruh warga *darüsshifa* meliputi para pelajar, doktor, pesakit dan juga pelawat. Bukan itu sahaja, terdapat juga seni bina yang direka khusus bagi tujuan penyembuhan masalah mental seperti *hammam* (rumah mandi), air pancut dan kolam yang dikategorikan sebagai terapi air (*water therapy*).

Kajian oleh Said (1988) turut mendapati bahawa penyelidikan ilmu perubatan dalam sejarah Turki berlaku secara aktif pada abad ke-14M, di bawah pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah. Perkembangan ini merangkumi pengasasan hospital dan sekolah perubatan, penterjemahan karya Arab dan Parsi ke bahasa Turki serta penghasilan pelbagai karya asli perubatan Turki khususnya pada abad ke-17M. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa ilmu perubatan yang bertapak dan berkembang pesat dalam kerajaan Uthmaniyyah adalah hasil warisan perubatan kerajaan Seljuk. Aspek utama yang diketengahkan dalam kajian Said (1988) mengenai perubatan kerajaan Seljuk adalah sejarah latar belakang penubuhan hospital di kota-kota utama iaitu Kayseri, Sivas, Divriği, Konya, Chankiri, Kastamonu dan Amasya. Selain itu, kebanyakan hospital-hospital

tersebut menyediakan unit psikopatologi serta mempunyai pakar psikiatri dan juruterapi muzik yang mempunyai kepakaran dalam bidang neurologi, khususnya bagi rawatan pesakit mental. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan nama hospital tersebut secara tepat berikutan tiada maklumat terperinci berkenaan kenyataan tersebut oleh Said.

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa masih terdapat kelompangan terhadap kajian mengenai perkembangan institusi *darüsshifa* dalam kerajaan Seljuk dan aplikasi terapi muzik di *darüsshifa* berkenaan. Justeru, dalam kajian ini penulis akan cuba menyelusuri sejarah penubuhan institusi *darüsshifa* serta meneliti hospital yang menawarkan terapi muzik dan kaedah yang digunakan.

## Metodologi Kajian

Sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian, penulis menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan. Melalui metode kajian sejarah, penulis mengumpulkan maklumat dan data berkaitan perkembangan institusi kesihatan, di samping maklumat mengenai kaedah rawatan terapi muzik di hospital dalam tamadun Islam era kerajaan Seljuk. Kebanyakan maklumat adalah berbentuk tekstual yang dikumpul dalam pelbagai sumber dan rujukan sejarah seperti buku, artikel, jurnal, ensiklopedia, kajian-kajian lepas dan laman sesawang yang berautoriti. Bagi mengekstrak maklumat dan data yang dikumpulkan, kaedah analisis kandungan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang paling tepat bagi kajian ini.

Menurut Braun dan Clarke (2006), kaedah analisis berbentuk tematik teks merupakan suatu kaedah analisis data yang bertujuan mengklasifikasi sesuatu maklumat yang dibaca mengikut beberapa tema berdasarkan objektif sebelum dianalisis secara mendalam. Melalui kaedah ini, segala maklumat dan data yang diperolehi dapat dianalisis dengan lebih sistematik dan berkesan serta dapat mengelakkan dari kekeliruan data dan memudahkan proses analisis. Justeru, kaedah analisis tematik teks digunakan dalam kajian ini kerana ianya paling sesuai diaplikasikan. Selain itu, kaedah deduktif turut digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Deduktif merupakan satu proses penaakulan atau penghujahan terhadap satu atau lebih kenyataan bagi mendapatkan satu kesimpulan yang pasti. Proses penaakulan ini dilakukan melalui analisis dan pengujian terhadap fakta-fakta yang ditemui dari sumber-sumber yang pelbagai. Hasil ujian tersebut, kesimpulan yang tepat dapat diterbitkan. Melalui kaedah ini juga, maklumat yang pelbagai dapat diuji dan dirumuskan (Sternberg et al., 2012).

## Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan dan perbincangan kajian ini hanya akan memfokuskan kepada tiga topik utama iaitu; a) sejarah penubuhan institusi *darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk, b) khidmat terapi muzik di *darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk, dan c) kaedah pelaksanaan terapi muzik di *darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk, Anatolia.

### *Sejarah Penubuhan Institusi Darüßsifa Dalam Kerajaan Seljuk*

Secara umumnya, istilah *darüßsifa* merupakan gabungan dua perkataan Arab iaitu “*dar*” membawa maksud rumah (*house*), manakala “*sifa*” pula bermaksud penyembuh (*healing*) (Benek *et al.*, 2015; Ergüven dan Yılmaz, 2017) . Dalam tamadun Islam, *darüßsifa* merupakan nama yang diberikan kepada institusi kesihatan atau hospital yang dibina di kebanyakan wilayah Islam termasuklah dalam kerajaan Seljuk. Istilah *darüßsifa* mempunyai makna yang sama dengan beberapa istilah lain yang kebiasaannya menggambarkan institusi kesihatan dalam tamadun Islam seperti *bimarhane*, *bimaristan*, *sifahane*, *morstan*, *mustefsa*, *maristan*, *darulmerza*, *darulafiye*, *darussihha*, *sifaiye* dan *timarhane*. Namun, istilah yang sering kali digunakan oleh kerajaan Seljuk adalah *darüßsifa*, *sifahane* dan *darulafiye* (Benek *et al.*, 2015; Ucaner dan Heiderscheit, 2016).

*Darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk merupakan sebuah institusi kebajikan yang dibina dan dibiayai melalui sistem dana wakaf oleh para sultan, keluarga diraja dan pegawai atasan (Bayat, 2006; Mihaljinec dan Eser, 2017). Melalui dana wakaf kesihatan ini, pesakit akan diberikan perkhidmatan rawatan dan ubat-ubatan sama ada penyakit fizikal mahupun mental secara percuma tanpa mengira batasan jantina, umur, agama, bahasa mahupun keturunan (Özkan, 2012). Menurut Bakir dan Başağaoğlu (2006), ubat-ubatan berasaskan herba, rawatan terapi seperti terapi air dan muzik serta intervensi pembedahan turut disediakan di *darüßsifa* oleh pakar yang menerima *icazet* (lulusan madrasah). Selain itu, *darüßsifa* juga berfungsi sebagai pusat pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan ilmu perubatan. Justeru, reka bentuk *darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk kebiasaannya terdiri dari dua bangunan berkembar iaitu sebuah sekolah perubatan dan sebuah hospital (Turgut, 2010).

Landskap *darüßsifa* turut direka dengan suasana yang amat kondusif iaitu mempunyai sebuah halaman terbuka berbentuk segi empat persegi (seumpama sebuah taman) dikelilingi oleh anjung di setiap penjuru hospital. Sementara anjung-anjung itu pula adalah pintu masuk ke bilik-bilik yang berhampiran (Tanriover, 2016). Menurut

Bakir dan Başağaoğlu (2006), kerajaan Seljuk telah mengadaptasi elemen seni bina halaman dan jenis *iwān* yang wujud dalam kebanyakan bangunan di kawasan Asia Tengah dan Iran. Beberapa struktur binaan lain ialah seperti masjid, ruang kuliah, ruang makan, kolam, air pancut, tandas, tangga, makam, wad pesakit dan ruangan doktor. Fasiliti dibina secara lengkap bagi mewujudkan suasana nyaman, selesa dan damai agar dapat dinikmati oleh seluruh warga *darüßsifa* meliputi para pelajar, doktor, pesakit dan juga pelawat. Bagi pesakit mental, ruangan khusus yang luas turut disediakan, di samping elemen terapeutik seperti koridor dan kubah bagi terapi muzik, bilik mandi dan kolam (Erdal dan Erbaş, 2013).

Seawal abad ke-12M, institusi *darüßsifa* dalam kerajaan Seljuk mula dibina di beberapa bandar utama yang terletak di Jalan Sutera (*Silk Road*) atau jalan utama bagi tujuan perdagangan (Tanriover, 2016). Terdapat sekurang-kurangnya 25 *darüßsifa* yang dikenal pasti dibina pada era pemerintahan kerajaan Seljuk di Anatolia (Dişli dan Özcan, 2016; Nevrim, 2020). Daripada jumlah tersebut, Dişli dan Özcan (2016) mengklasifikasikan *darüßsifa* kepada tiga kategori utama. Kategori pertama adalah *darüßsifa* yang kewujudannya diketahui dengan tepat dan monumennya masih bertahan sehingga kini sama ada secara sebahagian atau keseluruhan. Nama *darüßsifa* atau hospital tersebut adalah Hospital Gevher Nesibe di Kayseri, Hospital Iz ad-Din Kay Kavus di Sivas, Hospital Divriği, Hospital Atabey Ferruh, Çankırı, Ali Bin Pervane Maristanı di Kastamonu, Hospital Muinüddin Süleyman/ Pervane Bey di Tokat dan Hospital Anber bin Abdullah di Amasya.

Seterusnya, hospital atau *darüßsifa* dalam kategori kedua adalah hospital yang kewujudannya diketahui melalui sumber arkib akan tetapi pada masa kini sudah tidak wujud. Antaranya ialah Hospital Emüneddin di Mardin, Konya Maristan-ı Atik di Konya, Alâeddin Hospital di Konya, Hospital Aksaray di Aksaray dan Hospital Kadı İzzeddin di Konya. Manakala, kategori ketiga adalah hospital yang dinyatakan di dalam catatan sejarah tetapi kewujudan belum dapat dibuktikan. Antaranya ialah Hospital Silvan di Diyarbakır, Hospital Old Malatya di Malatya, Hospital Akşehir di Konya, Hospital Erzincan di Erzincan, Hospital Erzurum di Erzurum, Hospital Elbistan di Kahramanmaraş, Hospital Antakya di Antakya, Hospital Atabey di Kastamonu, Hospital Kütahya di Kütahya, Hospital Harran di Şanlıurfa, Hospital Şehzadeler di Sivas, Hospital Harput di Elazığ dan Hospital Kars di Kars (Dişli dan Özcan, 2016).

Berikut merupakan latar belakang dan sejarah penubuhan hospital di Anatolia yang masih wujud sehingga hari ini;

- 1. Gevher Nesibe Darüşşifa, Kayseri;** Hospital ini merupakan hospital pertama yang dibina oleh kerajaan Seljuk di Anatolia (Yilmaz, 2013) dan dikatakan juga sebagai hospital tertua era *Islamic-Turkish* (Bakir dan Başağaoğlu, 2006). Gevher Nesibe Darüşşifa terdiri daripada dua struktur bangunan iaitu sebuah *shifaiye* (hospital) yang diasaskan oleh anak kepada Sultan Kilij Arslan II iaitu Gevher Nesibe Hatun, serta sebuah *ghiyasiyeh* (madrasah/ sekolah) yang diasaskan oleh Giyasaddin Qayhusraw dalam tempoh sekitar 1204M-1210M (Said, 1988; Nevrim, 2020). *Darüşşifa* ini dinamakan *chifte* yang bermaksud madrasah berkembar (*twin madrasah*) (Yilmaz, 2013), di samping beberapa nama lain seperti Double Madrasah, The Hospital of Gevher Nesibe, Kayseri Maristan, Giyasiyye serta Kayseri Tibbiyya (The Medical School of Kayseri) (Benek *et al.*, 2015). Keluasan keseluruhan *darüşşifa* ini dianggarkan sekitar 60×40 meter, sementara keluasan bangunan hospital sahaja adalah berjumlah 32×40 meter (Said, 1988). *Darüşşifa* ini sudah tidak berfungsi dan bermula 1982M, ia telah dijadikan muzium sejarah perubatan di Fakulti Perubatan Kayseri Gevher Nesibe (Benek *et al.*, 2015; Cifdaloz, 2020).
- 2. Iz ad-Din Kay Kavus Darüşşifa, Sivas:** Hospital ini dibina oleh anak Sultan Kay Khusrau iaitu Sultan Izzaddin Keykavus pada 1217-1218M (Bakir dan Başağaoğlu (2006). Menurut Said (1988), Sultan Izzaddin pada ketika itu menghidapi penyakit tuberkulosis, justeru pembinaan *darüşşifa* ini merupakan salah satu sumbangan beliau dalam meningkatkan kegiatan sains perubatan. Sama seperti Gevher Nesibe Darüşşifa, hospital ini turut dibina dalam reka bentuk berkembar seluas 68×48 meter merangkumi dua bangunan utama iaitu sebuah hospital dan sebuah madrasah.
- 3. Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa:** Menurut el-Shorbagy (2020), hospital ini dibina dalam sebuah kompleks yang terletak di Sivas, Divriği bersama beberapa unit bangunan lain seperti masjid dan makam sultan. Pembinaan kompleks Divriği dimulai dengan penubuhan masjid oleh Sultan Ahmet Shah pada 1228M diikuti oleh penubuhan hospital oleh isterinya Sultan Turan Melek sekitar tahun yang sama. Bangunan hospital diletakkan bersebelahan dengan masjid dan mempunyai keluasan sekitar 24×32 meter (Said, 1988). Sewaktu pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah, hospital ini digunakan sebagai madrasah dan kemudiannya telah dijadikan tapak warisan sejarah Turki oleh UNESCO pada 1985M (Benek *et al.*, 2015; el-Shorbagy, 2020).
- 4. Atabeg Ferruh Darüşşifa, Çankırı:** Hospital ini dibina pada 1235M oleh Atabeg Jemaeddin Ferukh, seorang *amir* (gabenor) di bawah pemerintahan Sultan Alaeddin Keykubad. Kini, ianya dikenali sebagai Muzium Chankiri (Bakir dan Başağaoğlu, 2006; Said, 1988).
- 5. Ali Bey Pervane Darüşşifa, Kastamonu:** Hospital ini dibina pada 1272M di Kastamonu oleh Ali bin Muineddin Suleman Pervane bersama seorang arkitek yang dikenali sebagai Sa'd dari Kayseri (Bakir dan Başağaoğlu, 2006; Said, 1988). Hospital ini turut dikenali sebagai Yilani (*snaked*) Darüşşifa kerana mengandungi ukiran ular sebagai simbol kesihatan. Hospital ini pernah digunakan oleh Syekh Kadiri sebagai pondok dan kemudiannya ditutup pada 1935M (Çikmaz dan Mesut, 2020).
- 6. Muinuddin Suleyman Darüşşifa, Tokat:** Hospital ini dibina oleh Muineddin Suleman Pervane pada 1275M di Tokat. Hospital ini tidak dapat disiapkan oleh Muinuddin Suleyman kerana beliau telah dikenakan hukuman mati. Hospital ini kemudiannya berjaya disiapkan oleh anak perempuan dan kaum kerabat Muinuddin Suleyman (Bakir dan Başağaoğlu, 2006). Bermula 1926M, bangunan utama hospital ini telah diperbaiki dan digunakan sebagai muzium (Çikmaz dan Mesut, 2020).
- 7. Amber ibn Abdullah Darüşşifa, Amasya;** Hospital ini dibina oleh Amber Ibn Abdullah, seorang hamba kepada isteri Sultan Muhammet Olcayto Hudabende iaitu Ildus Hatun pada 1308M (Erdal dan Erbaş, 2013). Keluasan hospital ini adalah 23×34 meter, dikelola oleh Alaeddin Ali Pervane di bawah dana wakaf dan berfungsi sehingga abad ke-19M (Said, 1988). Menurut Çikmaz dan Mesut (2020), bangunan hospital ini telah dibaik pulih oleh majlis perbandaran Amasya pada tahun 2001 dan telah dijadikan muzium serta dikenali sebagai *Sabuncuoğlu Şerefeddin Tıp Ve Tarih Müzesi* (Muzium Sejarah Perubatan dan Pembedahan Sabuncuoğlu).

#### *Khidmat Terapi Muzik di Darüşşifa dalam Kerajaan Seljuk*

Secara umumnya, terapi muzik dalam tamadun Islam adalah salah satu terapi yang diambil dari perubatan tamadun Greek dan kemudiannya dikembangkan oleh para sarjana dalam tamadun Islam (Gorini, 2007). Menurut Mohd Jailani *et al.* (2020), sarjana Islam terulung yang menulis mengenai muzik dalam konteks falsafah adalah al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina dan Ikhwan al-Safa'. Perkembangan terapi muzik yang dilihat seiring dengan kepesatan bidang perubatan telah menjadikan

terapi muzik sebagai salah satu rawatan di kebanyakan hospital dalam wilayah Islam. *Darüşşifa* dalam kerajaan Seljuk turut berperanan menyediakan rawatan terapi muzik kepada pesakit.

Menurut Erdal dan Erbaş (2013), terapi muzik dalam era kerajaan Seljuk adalah berpandukan kepada falsafah terapi muzik yang dikembangkan oleh sarjana Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina dan al-Razi. Jadual di bawah menunjukkan *darüşşifa* yang menawarkan perkhidmatan terapi muzik;

**Jadual 1.** *Darüşşifa* dalam kerajaan Seljuk, Anatolia yang menawarkan khidmat terapi muzik

Lokasi	Tahun dibina (Masihi)	Nama <i>darüşşifa</i>
Kayseri	1205-1206	Gevher Nesibe Darüşşifa
Sivas	1228-1229	Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa
Amasya	1308-1309	Amber ibn Abdullah Darüşşifa

**Sumber:** Ergüven dan Yılmaz (2017)

Merujuk kepada jadual 1 di atas, *darüşşifa* yang pertama menawarkan khidmat terapi muzik di Anatolia ialah Gevher Nesibe Darüşşifa, Kayseri (1205-1206M), Divriği Ulu Camii ve Darüşşifa, Sivas (1228-1229M) dan yang terakhir di Amber ibn Abdullah Darüşşifa, Amasya (1308-1309M). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa tidak semua *darüşşifa* yang dibina pada era kerajaan Seljuk menawarkan terapi muzik, akan tetapi hanya ditawarkan di beberapa hospital tertentu sahaja.

#### *Kaedah Pelaksanaan Terapi Muzik Di Darüşşifa Dalam Kerajaan Seljuk*

Berikut merupakan latar belakang *darüşşifa* yang menawarkan khidmat rawatan terapi muzik pada era pemerintahan kerajaan Seljuk di Anatolia:

**1. Gevher Nesibe Darüşşifa, Kayseri:** *Darüşşifa* ini merupakan hospital pertama yang dibina oleh kerajaan Seljuk di Anatolia (Yılmaz, 2013) dan dikatakan juga sebagai hospital tertua era *Islamic-Turkish* (Bakir & Başağaoğlu, 2006). Kayseri Gevher Nesibe Darüşşifa dilengkapi dengan sistem akustik melalui penggunaan alat penyalur bunyi (*sound channels*) atau disebut juga sebagai *Cavity Resonator* dalam istilah kejuruteraan. Dengan adanya alat penyalur bunyi ini, persembahan pemuzik dan nyanyian merdu akan dapat didengari di wad dan ruangan para pesakit mental (Mohd Jailani & Roziyah, 2016; Kayili, 2005; Saoud, 2004). Sementara itu, Ucaner & Heiderscheit (2016) pula mengemukakan

bahawa Gevher Nesibe Darüşşifa turut menyediakan alat pembesar suara (*rudimentary speaker*) di setiap bilik pesakit mental sebanyak 18 bilik bagi membolehkan terapi muzik dan bunyi air didengari. Hospital ini sudah tidak berfungsi dan bermula 1982M, ia telah dijadikan muzium sejarah perubatan di Fakulti Perubatan Kayseri Gevher Nesibe (Benek et al., 2015; Cifdaloz, 2020).

**2. Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa, Sivas:** Menurut el-Shorbagy (2020), hospital ini dibina di dalam sebuah kompleks yang terletak di Divriği, Sivas bersama beberapa unit bangunan lain seperti masjid dan makam sultan. Pembinaan kompleks Divriği dimulai dengan penubuhan masjid oleh Sultan Ahmet Shah pada 1228M diikuti oleh penubuhan hospital oleh isterinya, Sultan Turan Melek sekitar tahun yang sama. Di Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa, terapi muzik dilaksanakan secara intensif dan digabungkan dengan rawatan herba. Selain itu, landskap Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa turut dibina secara kondusif merangkumi elemen kolam air pancut bagi menghasilkan bunyi-bunyi semula jadi. Schimmel (2011) pula menjejaskan bahawa terapi muzik yang dijalankan di Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa, adalah melalui bunyi air yang menenangkan yang dihasilkan dari basin (takungan air hujan) yang diletakkan di tengah-tengah bangunan. Menurut Mihaljinec dan Eser (2017), semasa terapi muzik dijalankan, para pesakit akan duduk mengelilingi basin bagi menikmati alunan muzik dari iwan utama dan bunyi air. Semasa pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah, hospital ini digunakan sebagai madrasah dan kemudiannya telah dijadikan tapak warisan sejarah Turki oleh UNESCO pada 1985M (Benek et al., 2015; el-Shorbagy, 2020).

**3. Amber ibn Abdullah Darüşşifa, Amasya:** Hospital ini dibina oleh Amber Ibn Abdullah, seorang hamba kepada isteri Sultan Muhammet Olcayto Hudabende iaitu Ildus Hatun pada 1308M (Erdal dan Erbaş, 2013). Keluasan hospital ini adalah 23×34 meter, dikelola oleh Alaeddin Ali Pervane di bawah dana wakaf dan berfungsi sehingga abad ke-19M (Said, 1988). Di hospital ini, terapi muzik diaplikasikan melalui gabungan persembahan instrumental oleh pemuzik serta bunyi air semula jadi yang dihasilkan di sekitar bangunan (Roziyah et al., 2022; Sandlow, 2020). Menurut Çıkmaç dan Mesut (2020), bangunan hospital ini telah dibaik pulih oleh majlis perbandaran Amasya pada tahun 2001 dan telah dijadikan muzium yang dikenali seagai *Sabuncuoğlu Şerefeddin Tıp Ve Tarih Müzesi* (Muzium Sejarah Perubatan dan Pembedahan Sabuncuoğlu).



## Kesimpulan

Terapi muzik merupakan salah satu rawatan popular yang digunakan di hospital dalam wilayah Islam bagi tujuan memberikan ketenangan, kelegaan, menaikkan semangat kegembiraan serta mengurangkan kesakitan, khususnya kepada pesakit mental. Di wilayah Anatolia, kerajaan Seljuk merupakan perintis kepada perkembangan terapi muzik apabila terapi tersebut digunakan di beberapa *darüşşifa* seperti Gevher Nesibe Darüşşifa, Divriği Ulu Mosque and Darüşşifa dan Amber ibn Abdullah Darüşşifa, Amasya. Pesakit mental di hospital dirawat melalui beberapa kaedah seperti mendengar bunyi semula jadi seperti bunyi air, persembahan oleh penyanyi dan pemuzik, serta sistem akustik melalui struktur bangunan hospital itu sendiri. Kaedah terapi muzik ini kemudiannya diwarisi oleh kerajaan Uthmaniyyah dan dilihat berkembang sehinggalah abad ke-19M.

Melalui amalan terapi muzik yang dilaksanakan di *darüşşifa* dalam kerajaan Seljuk, menunjukkan bahawa tamadun Islam amat mementingkan penjagaan kesihatan mental, malahan pesakit mental diterima baik dalam masyarakat dan diberikan rawatan rapi di hospital dengan terapi muzik. Justeru, terapi muzik semasa kerajaan Seljuk boleh dijadikan pencetus atau model bagi pelaksanaan terapi muzik pada hari ini khususnya di Malaysia. Sebagai contoh, terapi muzik boleh dijadikan rawatan alternatif atau rawatan komplementari dalam menangani masalah kesihatan mental yang kini semakin menular di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Sekiranya masalah kesihatan mental yang membelenggu masyarakat dapat ditangani dengan baik oleh semua pihak, sudah pasti masyarakat dapat menjalani kehidupan dengan aman dan harmoni yang seterusnya menepati matlamat pembangunan mampan sesebuah negara.

## Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh geran Kursi Syekh Abdullah Fahim (RH-2020-008) di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Rujukan

- Bakir, B., & Başağaoğlu, I. (2006). Anatolian Seljuk Darussifas (hospitals) and especially in the Divriği Turan Malik Darussifa. *International Society for the History of Islamic Medicine Journal* 5, 64-82.
- Bayat, A. H. (2006). Turkish medical history of the Seljuk era. *Muslim Heritage*.

<https://muslimheritage.com/turkish-medical-history-of-the-seljuk-era/>. Diakses pada 23 November 2022.

- Benek, B. S., Sakar, H., Bayram, R., & Gumustekin, K. (2015). An example for the application of music therapy in the medical history: Divriği Darüşşifa. *Acta Medica Anatolia*, 3(2), 63-66.
- Benek, B. S., Sakar, H., Bayram, R., & Gumustekin, K. (2015). The oldest medical center of the anatolia: Gevher Nesibe Darussifa and Medical School. *Acta Medica Anatolia*, 3(3), 108-110.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Cifdaloz, B. U., (2020). Music therapy in Turkey; historical background and current perspectives on demetia and end-of-life care. *Approaches: An Interdisciplinary Journal of Music Therapy Special Feature*, 12(67), 1-9.
- Çıkmaz, S., & Mesut. R. (2020). History of Islamic medical schools in Turkey's territory. *Balkan Medical Journal*, 37(6), 361-370.
- Dişli, G., & Özcan, Z. (2016). An evaluation of heating technology in Anatolian Seljuk Period hospitals (*darüşşifa*). *METU Journal of the Faculty of Architecture*, 33(2), 183-200.
- El-Shorbagy, A. M. (2020). Women in Islamic architecture: towards acknowledging their role in the development of Islamic civilization. *Cogent Arts & Humanities*, 7(1), 1-16.
- Erdal, G., & Erbaş, İ. (2013). Darüşşifas Where Music Therapy was Practiced During Anatolian Seljuks and Ottomans/Selçuklu ve Osmanlı Darüşşifalarında Müzikle Tedavi. *Journal of History Culture and Art Research*, 2(1), 1-19.
- Ergüven, M. H., & Yılmaz, A. (2017). Development of turkish wellness philosophy and reconsideration of sifahane concept: the case of the Darussifa of Bayezid II. *Nevşehir Hacı Bektaş Veli Üniversitesi SBE Dergisi*, 7(1), 27-37.
- Gorini, R. (2007). Bimaristans and mental health in two different areas of the medieval Islamic world. *Journal of International Society for the History of Islamic Medicine*, 6-7, 16-20.
- İhsanoğlu, E. (2005). Institutionalisation of Science in the Medreses of pre-Ottoman and Ottoman Turkey. Dalam Irzik, G. Guzeldere, G. (pnyt.), *Turkish*

- studies in the history and philosophy of science* (hlm 265-283). Springer.
- Kabalak, A. A. (2018). Effect of Music on Palliative Care Patients: Historical Development of Therapy With Turkish Music. *Türkiye Klinikleri Journal of Traditional and Complementary Medicine History*, 1(3),146-54.
- Kayili, M. (2005). *Acoustic solutions in classic ottoman architecture*. Aasiya Alla FSTC Limited.
- Keser, A., & Kurt, E. (2016). The contributions of waqfs and urban development to the settlement of public health services: an overview to Turkish administrative history of Anatolian Seljuks. *Journal of Humanities and Social Science*, 21(10), 66-79.
- Mihaljinec, I., & Eser, E. (2017). Architecture of hospitals and music therapy healing in the Anatolian Seljuk state-a new perspective. *PESA Uluslararası Sosyal Araştırmalar Dergisi*, 3(3), 116-131.
- Mohd Jailani Abdullah & Roziyah Sidik @ Mat Sidek. (2016). Sejarah terapi muzik dalam tamadun Islam dan realiti masa kini. Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS), Fakulti Pengajian Islam, University Kebangsaan Malaysia, 229-248.
- Mohd Jailani Abdullah, Roziyah Sidik @ Mat Sidek & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2019). Perkembangan terapi muzik abad pertengahan Islam dari abad ke-9M sehingga abad ke-16M. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(3), 62-77.
- Mohd Jailani Abdullah, Roziyah Sidik @ Mat Sidek, Azmul Fahimi Kamaruzaman & Firuz Akhtar Mohamad Bohari. (2020). Analisis sumber pemahaman falsafah terapi muzik pada abad pertengahan Islam. *Journal of al-Tamaddun*, 15(1), 1-11.
- Naqvi., N. H. (2012, Januari 23). Four medieval hospitals in Syria. *Muslim Heritage*. <https://muslimheritage.com/four-medieval-hospitals-syria/>
- Nevrim, S. (2020). Design evolution of healthcare buildings: city hospitals as a new building typology in Turkey. [Tesis Sarjana, Middle East Technical University].
- Nowsheravi, A. R. (1983). Muslim Hospitals in the Medieval Period. *Islamic Studies*, 22(2), 51-62.
- Özkan, S. (2012). The Historical Development of Consultation Liaison Psychiatry and Psychosomatic Medicine in Turkish Culture. *Journal of Istanbul Faculty of Medicine*, 75(1), 15-18.
- Roziyah Sidik @ Mat Sidek, Azmul Fahimi Kamaruzaman dan Mohd Jailani Abdullah. (2022). Music therapy in medicine of Islamic civilization. Dlm. Amit Agrawal, Roshah Sutar & Anvesh Jallapally (pnyt.). *Music in Health and Diseases*. IntechOpen.
- Said, H. M. (1988). Tibb and tibbi institutions in Turkey. *Bulletin of the Indian Institute of History of Medicine (Hyderabad)*, 18(1), 47-74.
- Sandlow., L. J. (2020). The Hospital That Treated Patients With Music. *Hektoen International (A Journal of Medical Humanities)* <https://hekint.org/2020/08/05/the-hospital-that-treated-patients-with-music/>. Diakses pada 10 september 2021.
- Saoud, R. (2004). *Muslim architecture under Ottoman patronage (1326-1924)*. FSTC Limited.
- Sarhan, W. (2017). The contribution of Arab Islamic civilization to mental health. *The Editorial Assistants-Jordan*, 28(1), 57-66.
- Schimmel, A. (2011). *Mystical Dimensions of Islam*. North Carolina Press.
- Sternberg, R. J., Sternberg, K., & Mio, J. (2012). *Cognitive psychology*. Cengage Learning Press.
- Tanriover, S. H. (2016). Healthcare architecture on the silk road: Darussifas built by the Seljuk and Ottoman Empires on the Anatolian trade routes. 4th International Archi-Cultural Interactions through the Silk Road, Mukogawa Women's University, Nishinomiya, Japan, 33-36.
- Turgut, M. (2010). Medieval medical schools in the Seljuk and Ottoman empires. *Child's Nervous System*, 26(2), 147
- Ucaner, B., & Heiderscheid, A. (2016). Music therapy in Turkey: Curriculum development and professional collaboration. *Music Therapy Today*, 12(1), 8-20.
- Yılmaz, S. (2013). The prominent health institutions (Darü's-şifas) and their functions in Anatolia from the Turkic conquest through the Ottoman era. [Tesis Sarjana, Bilkent University].